

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI HAJI  
ABDUL KARIM [ BATANG LUPAR ]**

**SOALAN**

**DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI HAJI ABDUL KARIM [ BATANG LUPAR ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah langkah yang diambil Kementerian dalam mengurangkan kadar import bersih makanan terutamanya bagi makanan yang berkhasiat dan memberi fokus kepada tahap sara diri negara.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2020, import makanan mencatat nilai RM55.4 bilion berbanding RM51.4 bilion pada tahun 2019. Antara bahan makanan yang menyumbang kepada nilai import yang tinggi termasuk bijiran dan sediaan bijirin; kopi, koko, teh, rempah dan keluaran; keluaran dan sediaan makanan lain; daging; hasil tenusu; makanan ternakan; sayur-sayuran; dan buah-buahan. Perangkaan ini juga meliputi import 30% beras serta sayur-sayuran dan buah-buahan beriklim sederhana dari luar negara untuk memenuhi keperluan domestik.

Antara langkah yang diambil oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk mengurangkan import makanan dengan memberi fokus kepada Tahap Sara Diri (SSL) negara adalah seperti berikut:

- a) meningkatkan produktiviti padi dan pengeluaran beras negara dengan pendekatan Program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) yang menekankan skala ekonomikal melalui pelbagai kaedah pelaksanaan seperti pertanian kontrak, sewaan dan sebagainya. Program ini menyasarkan peningkatan purata hasil per hektar daripada 3.5 tan metrik kepada 7.0 tan metrik dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12);
- b) menuju Lembaga Ruminan Negara untuk meningkatkan kemampanan dan pertumbuhan industri ternakan serta hasilan ruminan seperti daging dan tenusu yang dijangka akan beroperasi secara berfasa bermula pada tahun 2022. Selain itu, inisiatif-inisiatif khusus juga akan dilaksanakan bagi meningkatkan keselamatan makanan melalui kawalan penyakit haiwan dan amalan penternakan baik;

- c) meningkatkan pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran dengan memperkuuh dan menambah baik infrastruktur dan fasiliti di kawasan pengeluaran makanan seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dan Projek Pertanian Moden (PPM). Amalan pertanian baik juga diberikan penekanan melalui pensijilan myGAP dan myOrganic untuk menghasilkan bahan makanan yang selamat dan berkhasiat;
- d) memperluas pemodenan dan pertanian pintar melalui kemudahan pembiayaan seperti Program Modenisasi Rantaian Nilai Agromakanan sebanyak RM60 juta dan Program Modenisasi Vesel dan Mekanisasi Tangkapan sebanyak RM150 juta untuk perolehan vesel moden dan peralatan berdasarkan IR4.0. Dana pertanian pintar juga akan diperkenalkan dalam tempoh RMKe-12;
- e) mempergiat aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) untuk menghasilkan varieti / benih berhasil tinggi, rintang penyakit dan berdaya tahan terhadap perubahan iklim serta teknologi / input penanaman yang mesra alam. Antara varieti baharu adalah seperti benih padi MR315 dan MRQ104 serta IS21 yang mempunyai kerintangan lebih tinggi terhadap penyakit dan perosak; dan
- f) menggalakkan penyertaan golongan belia dalam bidang pertanian dan agromakanan serta meningkatkan kapasiti tenaga kerja melalui Program Agropreneur Muda dan Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan. Bermula tahun 2016 sehingga kini, 7,571 orang agropreneur muda seluruh negara telah menerima manfaat geran dan pembiayaan di bawah Program Agropreneur Muda. Dalam tempoh RMKe-11 juga, seramai 5,665 graduan telah menerima sijil / diploma dalam bidang pengkhususan pertanian dan pengeluaran makanan.

Langkah-langkah di atas akan terus diberikan tumpuan dan fokus oleh Kementerian dalam meningkatkan kemampuan pengeluaran makanan domestik sepanjang tempoh pelaksanaan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) melalui pelbagai program dan projek RMKe-12 yang sedang dan bakal dilaksanakan.

Di samping itu, Kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara (FSCC) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk merangka dasar sekuriti makanan yang holistik dan mampan. Menerusi platform ini, satu pelan tindakan khusus bagi meningkatkan sekuriti makanan serta menggalakkan pengeluaran dan produktiviti domestik iaitu Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 (Pelan Tindakan DSMN) telah dibangunkan secara kerjasama dengan agensi dan kementerian lain.

Antara strategi utama yang telah digariskan di bawah Pelan Tindakan DSMN untuk meningkatkan pengeluaran makanan negara termasuk memperluaskan adaptasi teknologi dalam sistem makanan berteraskan skala ekonomikal dan pertanian mampan serta memperkasa penyelidikan dan pembangunan termasuk penghasilan input pertanian seperti makanan ternakan, baka dan benih berkualiti secara domestik.

Melalui pelbagai strategi yang digariskan, Kementerian mensasarkan SSL bahan makanan utama dan berkhasiat termasuk beras, buah-buahan dan sayur-sayuran masing-masing akan mencapai 75%, 80% dan 70% menjelang tahun 2025.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN  
RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI HAJI  
ABDUL KARIM [ BATANG LUPAR ]**

**SOALAN :**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang bagaimanakah Majlis Keselamatan Negara menyelaras segala arahan yang dikeluarkan dengan Kerajaan Negeri serta pemain industri kerana beberapa kekeliruan berlaku seperti pengumuman *travel bubble* yang mana Kerajaan Negeri tidak bersedia serta penambahan bilangan penerbangan yang tidak dimaklumkan kepada syarikat penerbangan.

**JAWAPAN:**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

1. Semua keputusan yang diputuskan oleh mesyuarat Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik akan diumumkan kepada orang awam samada melalui perutusan khas, kenyataan media, media arus perdana dan juga melalui media sosial MKN, JPM (seperti facebook, twitter dan telegram).
2. Telah menjadi amalan bahawa tarikh pelaksanaan bagi keputusan-keputusan tersebut dilaksanakan adalah bermula sekurang-kurangnya 2 hari selepas diumumkan. Ini adalah bertujuan untuk memberikan ruang masa kepada setiap lapisan rakyat termasuklah dikalangan operator perniagaan, pengangkutan dan perhotelan untuk membuat persiapan.
3. Justeru adalah wajar untuk setiap pihak industri mengambil maklum dan sentiasa peka terhadap setiap pengumuman penting Kerajaan dari masa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]**

**SOALAN**

**DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hutang Kerajaan (termasuk hutang yang dijamin Kerajaan) setakat bulan Oktober 2021 dan tujuan kegunaan wang tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga akhir Oktober 2021, hutang keseluruhan Kerajaan Persekutuan yang merangkumi kesemua instrumen adalah berjumlah 972.9 bilion ringgit atau 64.2% kepada KDNK. Secara amnya, terimaan daripada pinjaman Kerajaan Persekutuan adalah bertujuan untuk membiayai semula hutang yang matang, perbelanjaan pembangunan dan perbelanjaan di bawah Kumpulan Wang COVID-19.

Hutang jaminan Kerajaan disediakan secara suku tahunan, iaitu pada Mac, Jun, September dan Disember setiap tahun. Sehingga 30 September 2021, jumlah hutang yang dijamin oleh Kerajaan adalah sebanyak 303.4 bilion ringgit atau bersamaan dengan 20.0% kepada KDNK. Ia terdiri daripada pinjaman domestik sebanyak 276.3 bilion ringgit (atau 91.1%) dan pinjaman luar sebanyak 27.1 bilion ringgit (atau 8.9%).

Di samping itu, jaminan Kerajaan ini diberikan kepada 6 badan berkanun dan 25 syarikat berkaitan Kerajaan. Tujuan jaminan Kerajaan berkenaan diberikan adalah untuk mengurangkan kos pembiayaan ke atas pinjaman yang dibuat bagi melaksanakan projek-projek strategik negara yang berimpak tinggi dan memberi manfaat kepada rakyat secara keseluruhan. Ia merangkumi sektor infrastruktur (54.1%), perkhidmatan (14.2%), pendidikan (13.2%), pegangan pelaburan (8.2%), utiliti (6.4%), kewangan (2%) dan perladangan (1.9%).

Sekian, terima kasih.